

# PM jamin selesai isu tuntutan pekerja

## Gaji minimum diselesaikan bulan depan, kaji upah penjawat awam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sempena sambutan Hari Pekerja 2023, semalam, kerajaan memberi jaminan akan menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu kumpulan pekerja di negara ini selain memenuhi tuntutan kesatuan sekerja mereka.

Antaranya, semua isu berkaitan gaji minimum akan diselesaikan pada bulan depan, selain memberi jaminan akan melakukan penilaian dan mengkaji semula gaji penjawat awam terutama pada peringkat rendah yang diakui tidak memuaskan.

Selain itu, akan membawa cadangan supaya kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bahagian majikan dinaikkan kepada 20 peratus berbanding 13 peratus ketika ini seperti diminta Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC).

Jaminan itu diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan amanat sempena sambutan Hari Pekerja 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Pada majlis itu, Anwar turut mengumumkan sumbangan RM1 juta masing-masing kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan CUEPACS bagi memperkemas penguasaan kesatuan sekerja itu.

Perdana Menteri turut memaklumkan kerajaan akan memberikan tumpuan khas kepada permasalahan dihadapi FELDA dan penerokanya bagi memastikan tiada bidang atau pekerja disisihkan.

Selain itu, beliau menggesa pekerja

supaya bangkit dan menentang golongan yang terbabit dalam rasuah.

Mengakui pelaksanaan gaji minimum amat sukar dan rumit untuk diselesaikan, Perdana Menteri berkata, isu itu akan dibawa dalam mesyuarat Kabinet untuk mendapatkan penyelesaian 'sekali dan untuk semua'.

"Pelaksanaan gaji minimum begitu sukar sekali, hiruk-pikuk pelaksanaannya. Sebab itu dalam mesyuarat Kabinet bulan depan, kita akan selesaikannya 'once and for all' (dimuktamadkan sepenuhnya)," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Disember lalu, kerajaan memutuskan untuk menguatkuasakan sehingga 1 Julai depan penguatkuasaan gaji minimum RM1,500 kepada majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja.

Majikan dalam kategori itu diberikan penangguhan selama enam bulan terhadap penguatkuasaan gaji minimum itu berbanding tarikh 1 Januari 2023 yang ditetapkan sebelum ini selepas mengambil kira soal kesediaan majikan dalam kategori berkenaan.

### Utama kebijakan semua pekerja

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan tidak mewarisi sistem pentadbiran terdahulu, sebaliknya mementingkan kebijakan semua pekerja yang sebelum ini diabaikan.

"Kalau tuntutan pekerja itu keterlaluan, maka pelaburan tidak akan sampai, tapi kalau sikap pelabur dan majikan terlalu mementingkan keuntungan hingga ketepikan pekerja, maka takkan ada harmoni dalam negara.

"Jadi keseimbangan ini harus dipertahankan. Kita mahu pelaburan, kita mahu majikan catat keuntungan, tetapi kita juga mahu nasib pekerja dibela dengan baik," katanya.

Justeru, katanya, ada ketika kerajaan perlu campur tangan, antaranya melalui penyaluran insentif mengikut keperluan dan melalui kemudahan percukaian.

Mengenai upah penjawat awam, Perdana Menteri memberi jaminan akan melakukan penilaian dan mengkaji semula gaji penjawat awam terutama pada peringkat rendah yang disifatkannya tidak memuaskan.

Anwar berkata, komitmen itu diberikan walaupun kerajaan Madani mengambil alih negara dalam keadaan kewangan semasa yang amat parah.

"Sudah sampai masa kita lakukan penilaian dan kajian semula. Ini jaminan saya, kita bagi komitmen walaupun dalam keadaan ekonomi sangat parah, dengan hutang negara mencecah RM1.5 juta trilion, sebahagiannya kerana iklim ekonomi dan sebahagian lagi kerana rompokan dan porak-peranda sistem ekonomi," katanya.

Justeru, Anwar meminta penjawat awam memberikan sedikit masa baginya menyelesaikan isu upah penjawat awam.

Jelasnya, perkara itu turut dibincangkan bersama Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat sebelum ini.

"Kalau ada trend peningkatan hasil, yang pertama (akan dilaksanakan) adalah upah penjawat awam. Sementara itu, segala bonus atau apa-apa kemudahan, termasuk kesihatan, pendidikan, yang harus dibantu, kita akan segerakan," katanya.

Tegasnya, pimpinan Kerajaan Madani juga akan terus menjalankan rundingan dengan kesatuan pekerja sektor awam dan swasta berhubung tuntutan dan rungutan yang dihadapi pekerja.

"Kita akan teruskan rundingan dengan CUEPACS dan MTUC. Saya tak mahu ada permasalahan dan ketegangan. Saya juga mahu menteri, ketua setiausaha (KSU) dan jabatan beri ruang kepada kesatuan pekerja untuk melakukannya.

"Ada yang kita boleh bersetuju, ada yang boleh kita tangguh dan ada keperluan yang (kerajaan) tolak. Tetapi biar ada rundingan hati ke hati dalam kalangan majikan dan pekerja. Dulunya berlaku ketegangan (membabitkan tuntutan kesatuan pekerja). Ada menteri enggan jumpa wakil kesatuan, saya tak mahu ini berlaku dalam pentadbiran ini," katanya.

Anwar juga mengajak golongan pekerja bersamanya dalam usaha membanteras rasuah di negara ini.

"Saya mahu pekerja bersama dengan saya dalam satu barisan, kita bangkit dan perangi golongan yang merasuah di negara ini. Saudara hanya perlukan RM200 tambahan sebulan untuk pendidikan mahupun kesihatan anak, itu pun begitu sukar diperoleh.

"Tetapi (ada) pemimpin yang sauk ratusan juta daripada wang negara. Adakah mereka bicarakan mengenai nasib pekerja? Penjawat awam? Apa yang mereka buat ini adalah zalim," katanya.

"Jadi keseimbangan ini harus dipertahankan. Kita mahu pelaburan, kita mahu majikan catat keuntungan, tetapi kita juga mahu nasib pekerja dibela dengan baik"

Anwar Ibrahim

